



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(94)  
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 10.10.2019

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 4/2019**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI  
MAKLUMAT GRED FA29**
- (b) **PENEMPATAN:** FRIM PCS (Perkhidmatan Persijilan Produk)
- (c) **TARAF  
JAWATAN : KONTRAK**
- (d) **JADUAL GAJI :** RM 1,549.00 (Minimum) – RM 5,684.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN :** RM 145.00
- (f) **IMBUHAN**
  - (i) Tetap Khidmat Awam : RM160.00
  - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
  - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

  - (i) Warganegara Malaysia;
  - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (iii) Memiliki kelayakan berikut:
    - (a) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00);
    - (b) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00);
    - (c) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,855.00);

- (d) Diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,929.89);

**(h) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(i) SYARAT TAMBAHAN**

- (i) Calon haruslah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan; dan
- (ii) Fasih berbahasa dan mahir dalam penulisan sekurang-kurangnya dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**(j) KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN**

- (i) Kemahiran dalam bahasa pengaturcaraan (*Dotnet, HTML, Wordpress, SQL*).
- (ii) Kemahiran dalam mengemaskini maklumat laman sesawang menggunakan perisian yang ditetapkan.
- (iii) Profesional.
- (iv) Cara berkomunikasi yang baik dan meyakinkan.
- (v) Pro aktif dan bertenaga.

**(k) TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

- (i) Menguruskan dan mengemaskini laman web FRIM-PCS bagi kakitangan dan pengguna.
- (ii) Membina database staff untuk capaian pekerja FRIM-PCS.
- (iii) Membina stakeholder dan syarikat pengusaha.
- (iv) Memberi maklum balas kepada pelanggan isu-isu berkaitan pensijilan produk (soalan atau aduan) yang dihantar melalui laman web FRIM-PCS.
- (v) Melaksanakan audit sendiri dan laporan kerja setiap 3 bulan sekali.
- (vi) Menyediakan KPI setiap bulan.
- (vii) Lain-lain tugas yang disenaraikan oleh pihak atasan FRIM-PCS.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<https://www.frim.gov.my/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 01 November 2019 (Jumaat)**

## **CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Kotak:No. Dokumen: **10261011**